


Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda
06 Sep 2009
Berita Minggu
Bintang Popular
Siti Ruqaiyah Hashim
Daily
7,629

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
16
498 cm²
One Spot Color
22,888



Tone Brulin dan isteri, Siti Fauziah bersama pengarah teater, A Wahab Hamzah.

Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda

Tokoh teater Tone Brulin terbit semula karya A Samad Said

**Oleh Siti Ruqaiyah
Hashim**

Headline	Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda	Language	Malay
Date	06 Sep 2009	Page No	16
MediaTitle	Berita Minggu	Article Size	498 cm²
Section	Bintang Popular	Color	One Spot Color
Journalist	Siti Ruqaiyah Hashim	PRValue	22,888
Frequency	Daily		
ADValue	7,629		

ANTARA perkara paling saya terkilan tahun lalu ialah tidak sempat membawa Tone Brulin @ Iskandar bin Abdullah serta isterinya, Siti Fauziah Abdul Rahman berjumpa pihak tertentu untuk menerbitkan skrip beliau yang ditulis, diadaptasi dan dipentaskan di Malaysia sejak beliau mengajar di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang hampir 34 tahun lalu.

Suatu kemalangan kecil di rumah mereka di Hulu Langat, Selangor menyebabkan Tone atau nama sebenarnya Anton Van Endyne terlantar di hospital selama tiga minggu sewaktu pementasan teater *Roh Anai-Anai* tulisan dan arahnya di Lambang Sari, Istana Budaya. Yang terdaya saya lakukan hanyalah menemubual beliau sambil melawatnya di hospital yang jelas berada dalam kemurungan selepas dibedah.

Dua artikel saya mengenai teater *Roh Anai-Anai* dan Siti Fauziah dimuatkan dalam majalah *Pentas* keluaran Istana Budaya, tahun lalu.

Siapa sebenarnya Tone Brulin? Mungkin ramai pembaca tidak kenal beliau tetapi peminat teater barangkali kenal dengan tokoh teater ini. Tone adalah seorang tokoh besar teater di Eropah dan terkenal di seluruh dunia dengan kumpulan TIE 3 atau Theatre in Europe of the Third World.

Dengan mendapat geran tahunan daripada kerajaan Belgium, kumpulan Tone dengan Siti Fauziah sebagai pelakon utamanya menjelajah ke seluruh dunia

Headline	Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda	Language	Malay
Date	06 Sep 2009	Page No	16
MediaTitle	Berita Minggu	Article Size	498 cm²
Section	Bintang Popular	Color	One Spot Color
Journalist	Siti Ruqaiyah Hashim	PRValue	22,888
Frequency	Daily		
ADValue	7,629		

hampir 12 tahun dan mementaskan teater demi teater yang meletakkan mereka sebagai grup teater profesional yang berada dalam liganya tersendiri.

Mereka mengadaptasi cerita dan teks daripada pelbagai sumber tempatan di mana saja mereka berada. Mereka belajar, mengenali dan mengapresiasi manusia yang datang dari latar budaya yang berbeza melalui teater. Pelakon-pelakon kumpulan ini terdiri daripada pelbagai bangsa dari seluruh dunia dan hanya beberapa orang dari Belgium. Beberapa tahun lalu, Unesco telah menerbitkan buku mengenai Tone Brulin dan pencapaiannya bertajuk *An Exceptional Life in Theatre*

Mungkin banyak perkara yang boleh kita pelajari daripada Tone Brulin dan Siti Fauziah mengenai memperkembang dan mengantarabangsakan teater serta kesenian kita ke peringkat lebih tinggi. Tidak ada gunanya penyanyi serta filem kita memenangi hadiah di luar negara atau peringkat antarabangsa kononnya tetapi kesenian kita tidak diterima, malah tidak pula mendapat tempat di luar negeri terutama dari segi pemasaran.

Mendapat pengiktirafan antarabangsa adalah hanya satu batu tanda pencapaian, tetapi penerimaan khalayak antarabangsa dalam apa juga genre seni kita adalah satu perkara lain. Dan tidak ada gunanya genre seni kita menang dan terus menang di festival tetapi ia tidak dapat dipasarkan dan dinikmati orang ramai. Sepatutnya kita melihat perkiraan kecemerlangan seterusnya yang perlu diambil kira. Kalau penyanyi bebas, Zee Avi (dulunya Koko Kaina) dari

Headline	Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda	Language	Malay
Date	06 Sep 2009	Page No	16
MediaTitle	Berita Minggu	Article Size	498 cm²
Section	Bintang Popular	Color	One Spot Color
Journalist	Siti Ruqaiyah Hashim	PRValue	22,888
Frequency	Daily		
ADValue	7,629		

Miri, Sarawak dapat menembusi pasaran di Amerika Syarikat kerana albumnya di terbitkan Jack Johnson dengan mendapat reuiu yang baik dari majalah *Rolling Stone*, apakah kita tidak boleh bekerjasama dengan tokoh teater besar seperti Tone Brulin untuk mementaskan teater kita di Eropah? Sekali lagi kita perlu berfikir semula mengenai cara kita berfikir dan mengadaptasi diri dengan kehendak dan keperluan menjadi negara dunia pertama.

Untuk itu, minda kita perlu dio-rientasikan berfikir dengan cara yang lebih dinamis, terbuka dan berjiwa besar, bukan terus-terusan menjadi pengimport budaya dan karya luar saja. Apabila Tone menghantar e-mel kepada saya April lalu mengatakan mereka akan balik ke Malaysia dalam Jun, saya mengatur rancangan dan beberapa pertemuan dengan pelbagai pihak untuk merealisasikan penerbitan skripnya. Beliau telah menghasilkan lebih 35 skrip sepanjang pembabitannya dalam teater sejak berusia 17 tahun di Antwerp, Belgium.

Pada masa sama, ia menyaksikan mereka bekerjasama dengan ramai tokoh teater besar di seluruh dunia termasuk Alahyarham WS Rendra, Ariffin C Noer, Wole Soyinka, mendiang Ingrid Bergman dan Harold Pinter. 'The Master' - panggilan A Wahab Hamzah kepada Tone yang kini sudah berumur 82 tahun dan masih aktif menulis dan mengadaptasi teks teater dari seluruh dunia. Terbaru, kami mengerjakan semula penterjemahan teks *Roh Anai-Anai* yang dilakukan pelajar jurusan teater UiTM yang pernah terbabit dalam pementasannya tahun lalu. Teks ini berasal dari cerita Eugene Marais 'This In Not

Headline	Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda		
Date	06 Sep 2009	Language	Malay
MediaTitle	Berita Minggu	Page No	16
Section	Bintang Popular	Article Size	498 cm ²
Journalist	Siti Ruqaiyah Hashim		
Frequency	Daily	Color	One Spot Color
ADValue	7,629	PRValue	22,888

Eugene' - seorang botanis yang mengkaji mengenai serangga dan babun di Afrika. Latar belakang teks ini adalah di sebuah perkampungan Melayu Cape di Afrika Selatan ketika Eugene sedang terlantar sakit dan menumpang di rumah seorang petani di situ. Tone mendedikasi penerbitan skrip ini untuk tokoh teater Malaysia yang tidak asing lagi - Krishen Jit.

Teks penuhnya akan diterbitkan dalam majalah 'Pentas' yang akan datang, sementara teks *Naga-Naga Siapa Kau, Naga-Naga Di Mana Kau* yang dipentaskan di USM, Kuala Lumpur dan Jakarta pada 30 tahun lalu juga akan diterbitkan. Saya juga sedang menghubungi rakan lama yang mungkin memiliki skrip *Torando* yang kami pentaskan dalam 1975 tapi malangnya hingga sekarang masih belum berhasil. Beberapa skrip lain seperti *Tales of Mah Meri* dan *Tak Kotak-Kotak* akan dicari semula di arkib di Anterwerp. Siti Fauziah yakin beliau dapat membawanya balik tahun depan.

Teks Tales of Mah Meri adalah kisah Orang Asli dari Pulau Indah (Pulau Carey) dan akhirnya ditukar tajuknya menjadi *Tales of Nandataha* dan adalah skrip pertama berlatarbelakangkan Malaysia yang dipentaskan ban-

Headline	Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda		
Date	06 Sep 2009	Language	Malay
MediaTitle	Berita Minggu	Page No	16
Section	Bintang Popular	Article Size	498 cm²
Journalist	Siti Ruqaiyah Hashim	Color	One Spot Color
Frequency	Daily	PRValue	22,888
ADValue	7,629		

yak kali di seluruh dunia dengan mendapat sambutan hangat di kepulauan Carribbean, Belanda, Belgium, malah dipentaskan di Festival Teater di Nancy, Perancis. Perjumpaan dan perbincangan juga diadakan dengan sahabat di Gapena.

Ketua Satu Gapena, Profesor Emeritus Tan Sri Ismail Hussein menyatakan beliau amat berminat untuk membukukan koleksi skrip Tone terutama yang dikerjakan dalam Bahasa Malaysia dan berlatarbelakangkan Malaysia serta diaspora Melayu di seluruh dunia. Saya yakin perkara ini dapat dilakukan sebaik saja teks berkenaan dapat dikumpulkan. Begitu juga perbincangan di Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) yang kami adakan beberapa minggu lalu menimbulkan minat untuk menterjemah *Tales of Mah Meri* ke dalam bahasa Malaysia. Semoga ia dapat direalisasikan secepat mungkin.

Tone Brulin juga dipertemukan dengan Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, baru-baru ini. Malangnya saya tidak dapat mempertemukan Tone dengan Datuk Nordin Hassan yang agak uzur kebelakangan ini walaupun sewaktu dihubungi melalui telefon, Cikgu Nordin begitu kepingin

Headline	Skrip Balada Hilang Peta diterjemah ke bahasa Belanda	Language	Malay
Date	06 Sep 2009	Page No	16
MediaTitle	Berita Minggu	Article Size	498 cm²
Section	Bintang Popular	Color	One Spot Color
Journalist	Siti Ruqaiyah Hashim	PRValue	22,888
Frequency	Daily		
ADValue	7,629		

bertemu beliau.

Kita gembira apabila Tone mengumumkan beliau mahu menterjemah antologi puisi *Balada Hilang Peta* yang mengandungi puisi tulisan Pak Samad ke dalam Bahasa Belanda dan akan menerbitkannya di sana. Suatu usaha kecil tetapi amat besar implikasinya saya kira kerana terjemahan yang akan dilakukan seorang seniman besar seperti Tone Brulin akan meletakkan *Balada Hilang Peta* di tempat istimewa

Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Muhammad baru-baru ini di Balai Seni Lukis Negara menganjurkan supaya karya seni tampak kita dipamerkan di luar negara dalam usaha mengangkat budaya dan kesenian kita ke tahap lebih tinggi. Perkara ini banyak kali saya sentuh dalam blog saya: <http://disudutbibirku.blogspot.com>.

Alhamdulillah, Tun Mahathir pun berkata demikian. Mungkin Tun Mahathir cukup sedar tidak ada gunanya kalau negara kita mempunyai 10 Menara Berkembar Petronas pun kalau anak bangsa kita tercabut minda, hilang jati diri, buta akar budaya dan pudar jiwanya daripada menjadi orang Malaysia atau bangsa Melayu yang gah.